KEUTAMAAN ZIKIR

Berkata Imam Habib Abdullah Al-Haddad ﵁ "Ketahuilah wahai saudara-saudaraku sekalian, moga-moga Allah menjadikan kami beserta kamu sekalian di antara kumpulan orang-orang yang gemar berzikir kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya, agar kita sekalian tergolong manusia yang tiada dilalaikan oleh harta benda dan anak pinak dari mengingati Allah Ta'ala. Ketahuilah zikir kepada Allah itu di antara taqarrub yang paling utama yang dapat menghampiri kita kepada Allah Ta'ala".

Firman Allah Ta'ala:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ ذِكۡرٗا كَثِيرٗا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلاً ﴿٤٢﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Ingatilah Allah dengan sebanyak-banyak ingatan dan bertasbihlah kepadaNya pada siang dan malam". (Al-Ahzab : 41-42)

FirmanNya yang lain:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَتَطۡمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكۡرِ ٱللَّهِۗ أَلَا بِذِكۡرِ ٱللَّهِ تَطۡمَئِنُّ ٱلۡقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

"Mereka yang beriman itu akan menjadi tenteramlah hati-hati mereka dengan mengingat Allah. Ingatlah, bahawa dengan

mengingati Allah itu akan tenteramlah segala hati”. (Ar-Ra’du : 28)

Firman Allah Ta’ala lagi:

وَمَنۡ أَعۡرَضَ عَن ذِكۡرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةٗ ضَنكٗا وَنَحۡشُرُهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ أَعۡمَىٰ ﴿١٢٤﴾

“Dan barangsiapa berpaling dari mengingatiKu, Maka baginya akan ditakdirkan penghidupan yang sempit, dan Kami akan menghimpunkannya pada hari kiamat dalam keadaan buta". (Thaha : 124)

Firman Allah Ta’ala lagi:

وَمَن يَعۡشُ عَن ذِكۡرِ ٱلرَّحۡمَٰنِ نُقَيِّضۡ لَهُۥ شَيۡطَٰنٗا فَهُوَ لَهُۥ قَرِينٞ

“Barangsiapa yang berpaling dari mengingati Tuhan Yang Maha Pemurah (ke atas semua makhluknya dengan pemberian ni’mat-ni’mat yang tidak terkira), Kami balakan baginya syaitan yang diambilnya menjadi teman”. (Az-Zukhruf : 36)

Imam Ahmad dan Muslim ؓ meriwayatkan juga Rasulullah ﷺ pernah bersabda :

لاَ يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُوْنَ اللهَ إِلاَّ حَفَّتْهُمُ الْمَلاَئِكَةُ ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَنَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِيْنَةُ ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيْمَنْ عِنْدَهُ.

"Tiada suatu kaum duduk berzikir kepada Allah Ta'ala melainkan mereka akan dikelilingi oleh para Malaikat, dikelubungi oleh rahmat, diliputi oleh ketenteraman dan Allah akan menyebut mereka pada siapa yang berada di kalanganNya".

MAJLIS ZIKIR

Rasulullah ﷺ pernah bersabda dalam satu hadis yang masyhur yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Al-Turmudzi dan Al-Baihaqi dari Anas bin Malik ؓ:

إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوْا ، قَالُوْا وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ حِلَقُ الذِّكْرِ (وَفِيْ رِوَايَةٍ مَجَالِسُ الذِّكْرِ)

"Jika kamu melintas taman-taman syurga, maka hendaklah kamu berehat. Para sahabat bertanya: Apakah taman-taman syurga tersebut? Sabda Baginda ﷺ Kumpulan-kumpulan orang yang berzikir. (Ada riwayat mengatakan majlis-majlis zikir)".

Ada pelbagai majlis zikir, yang terutama majlis ilmu seperti mana yang telah dibahaskan oleh Al-Imam Hujjatul Islam Muhammad Al-Ghazali ؓ di dalam permulaan kitab Ihya'

Ulumiddin pada bab kelebihan ilmu dan juga mana-mana permulaan kitab oleh ulama’-ulama’ muktabar lain sebelumnya dan selepasnya seperti Imam Al-Bukhori ﵁, Imam Muslim ﵁, Imam Nawawi ﵁ dan lain-lain.

Sabda Nabi ﷺ yang dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali ﵁ di dalam kitab Ihya’nya:

لِأَنْ تَغْدُوْا فَتَتَعَلَّمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ مِائَةَ رَكَعَةٍ

“Demi Tuhanku bahawasanya berpagi kamu pergi menunutut ilmu akan suatu bab (ambil kefahamannya dan mengamalkan) daripada ilmu (yang menimbulkan rasa takut akan Allah) itu terlebih baik daripada kamu sembahyang sunat seratus rakaat”.

Selain itu majlis zikir juga dinisbahkan dengan berzikir secara beramai-ramai di masjid atau di rumah bersama keluarga dengan niat mengajar, melatih masyarakat, keluarga agar melazimkan mentauhidkan, mensucikan, menta’zimkan dan membesarkan Allah serta beribadah, berjemaah dan berdoa bersama-sama selagi mana tidak mentaswiskan (meragukan) orang-orang yang sedang bersembahyang, maka ianya tidak dilarang menurut mendapat Syeikhul Islam Ibnu Hajar ﵁.

RUKUN ZIKIR DAN SYARATNYA

1. **Makan Minumnya Dan Pakaiannya Halal.**

Telah berkata Saiyidina Abdullah bin Umar ﵁. Jika kamu terus bersembahyang hingga tulang belakangmu menjadi

bongkok dan kamu berpuasa pula hingga badanmu menjadi seperti lidi, tetap tidak akan diterima semua itu melainkan dengan warak yang tebal (menjaga halal haram).

2. **Jangan Riyak**

Hendaklah ikhlas dan tidak ia berpura-pura atau menunjuk-nunjuk amalannya di hadapan orang ramai. Lazimkan diri sama sahaja beramal di kala di rumah dan di khalayak ramai. Beramal secara meramai-ramai merupakan syiar kehebatan Islam.

Firman Allah Ta'ala :

فَمَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ رَبِّهِۦ فَلۡيَعۡمَلۡ عَمَلٗا صَٰلِحٗا وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا ﴿١١٠﴾

Maka sesiapa yang percaya dan berharap akan bertemu dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya".

Telah berkata Fudhail bin 'Iyad "Barangsiapa yang meninggalkan amal kerana manusia (bimbang dikatakan kuat beramal) sesungguhnya ia telah riyak, dan barangsiapa melakukan amal kerana manusia sesungguhnya ia telah syirik". Lazimlah kamu menyebut

لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

Tiada daya bagi aku meninggalkan maksiat dan tiada kekuatan bagi aku mengerjakan ketaatan melainkan taufiq

dan pertolongan daripada Allah yang Maha Mulia lagi Maha Agung.

3. **Makan Tidak Terlalu Kenyang**

Hendaklah lazimkan diri semasa berzikir tidak terlalu kenyang, keran tidak akan khusuk dan rendah hati bila perutnya ringan, ketika akan datang nur dan cahaya pada hati.

ADAB DAN SYARAT ZIKIR

Berkata Syeikh Ali Al-Marshafi ﵁ di dalam Manhajul-Salik. Terdapat banyak adab dan syarat di antara yang terpenting ialah :

1. **Bertaubat Terlebih Dahulu.**

Iaitu dengan menepati segala rukun taubat dan menampakkan diri semacam penyesalan yang sungguh-sungguh.

2. **Menyelesaikan Fardhu Terlebih Dahulu.**

Fardhu diibaratkan pokok sedangkan zikir adalah bajanya. Apa yang mahu dibaja sedangkan pokoknya tiada.

3. **Melazimkan Diri Dalam Kesucian.**

Iaitu bermandi dan berwudu’ serta menghadap kiblat.

4. **Hendaklah Menyimpan Harapan Yang Baik Di Dalam Hati Ketika Memulakan Zikir.**

Jangan meragukan bahawa Allah S.W.T tidak menerimanya.

5. **Duduk Berzikir Di Tempat Yang Bersih Dan Suci Dari Kekotoran.**

Ini kerana zikir itu menyebut dan mengingati Allah S.W.T.

6. **Mewangikan Tempat Duduk Dan Diri Semasa Berzikir.**

Ini kerana tempat berzikir itu tidak sepi dari didatangi malaikat dan kaum jin disamping memeriahkan halaqah zikir.

7. **Memakai Pakaian Yang Bersih.**

Agar suasana menjadi nyaman dan tidak mengganggu hidung dan mata orang-orang yang berzikir.

8. **Bersikap Ikhlas.**

Membersihkan diri daripada segala macam sifat riyak dan keraguan.

9. **Hendaklah Memilih Zikirnya Itu Dengan Lafaz**

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ

Menghormatinya dengan kekuatan yang sempurna dan dengan mengangkat suaranya pada lafaz dari batas pusat ke atas dua belah bahagian dadanya dan melenggokkan kepalanya dari kanan ke kiri.

APA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS BERZIKIR

1. Berdiam diri sebentar kerana apabila bersiam diri akan khusyuk dan tenteram hatinya.

2. Hendaklah menarik nafas yang panjang-panjang dan berkali-kali. Agar mencahayakan hati Bashirah yakni mata hati yang membukakan hijab hati.
3. Menahan diri dari meminum air sebaik-baik sahaja selepas berzikir kerana zikir itu membakar jiwa. Iaitu menghangatkan tubuh dan menimbulkan kelazatan dan keharuan dalam diri padahal minum air selepas berzikir akan memadamkan semua perasaan yang tersebut.

BACAAN TANPA IJAZAH

Ratib ini boleh dibaca tanpa ijazah. Ini kerana amalan-amalannya dinaqal daripada Al-Quran dan amalan Rasulullah ﷺ. Tetapi para Salaf yang terdahulu biasanya tidak akan mengamalkan ratib tanpa mendapatkan ijazah terdahulu. Ini adalah kerana dua sebab:

1. Untuk menerima ajaran atau amalan yang betul sepertimana yang dikehendaki oleh penyusun ratib kerana beliau lebih mengetahuinya.
2. Untuk mendapatkan pertalian menerusi gurunya itu terus kepada pengasas sesuatu amalan yang salasilahnya bersambung kepada Rasulullah ﷺ. Memperolehi ijazah juga hendaklah daripada Syeikh yang telah diizinkan oleh Syeikhnya untuk memberikan ijazah kepada yang lain.

PENGENALAN RATIB AL-ATTAS

Ratib Al-Attas berupa kumpulan zikir yang disusun oleh Al-Habib ‘Umar bin ‘Abd al-Rahman al-Attas seorang ulama’

dan wali di negeri Hadharamaut dari keturunan al-Shariff atau Sayyid yang nasabnya bertemu dengan Rasulullah ﷺ. Beliau lahir di Al-Lisik pada tahun 992H dan meninggal dunia di Nafhun dan dimakamkan di Huraidhah pada hari Khamis 23hb Rabi'ul Akhir tahun 1072H pada usia 80 tahun. Beliau tidak meninggalkan apa-apa karangan kecuali anak muridnya termasuk Imam 'Abdullah Al-Haddad dan ratib ini yang telah berusiah kira-kira 400 tahun.

Ratib ini sehingga sekarang dibaca di banyak negara seperti di Afrika termasuk Darussalam, Mombassa, dan Afrika Selatan. Juga di England, Burma , India, kepulauan Melayu iaitu Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia.

Sehingga sekarang ini kumpulan-kumpulan Ratib al-Habib 'Umar atau Zawiyyah masih diamalkan di Rangoon dan di beberapa daerah di Burma. Tetapi mereka lebih dikenali di sana dengan Tariqah Al-Attasiyyah.

KEUTAMAAN RATIB

Berkata sebilangan ulama' salaf (Al-Habib Muhammad bin Salem Al-Attas, Azizul Manal wa Fadhu Bab al-Wasal), antara keutamaan ratib ini bagi mereka yang tetap mengamalkannya, adalah diberkati umurnya, mendapat Husnul al-Khotimah , menjaga segala kepunyaannya di laut dan di bumi dan sentiasa berada dalam perlindungan Allah.

Bagi mereka yang mempunyai hajat yang tertentu, membaca ratib pada suatu tempat yang kosong dengan berwudhu', mengadap kiblat dan berniat apa yang dikehendakinya, insya Allah dimustajabkan Allah.

DIANTARA KELEBIHAN-KELEBIHAN LAIN RATIB INI

1. Al-Syaikh ‘Ali Baras berkata bahawa mereka yang tetap mengamalkannya secara tadabbur dan mengambil faham daripadanya akan diampunkan Allah dosa-dosanya walaupun sebanyak buih di laut.
2. Menjaga rumahnya dan 40 rumah-rumah jirannya daripada kebakaran, kecurian dan terkena sihir.
3. Bagi mereka yang terkena sihir dan membaca ratib insya Allah diselamatkan Allah dengan Asma’ Allah, ayat-ayat Al-Quran dan amalan Nabi Muhammad ﷺ.
4. Al-Habib Husein bin Abdullah Al-Attas berkata bahawa mereka yang mengamalkan ratib ini terpatuk ular, nescaya insya Allah tidak akan terjadi apa-apa pada dirinya.
5. Bagi mereka yang takut insya Allah nescaya akan selamat daripada segala yang ditakuti. Pernah ada seorang yang diserang oleh 15 pencuri dan dia terselamat.
6. Al-Sayyid Isa bin Muhammad Al-Habsyi berkata beliau telah mendapat banyak manfaat daripada Al-Habib ‘Umar berkenaan dengan kelebihan ratib ini. Beliau meriwayatkan beberapa orang telah datang kepada Al-Habib ‘Umar dan mengadu kepadanya akan hal kemarau dan sempit pencarian mereka. Beliau telah menasihatkan mereka untuk membaca ratib dan zikir tauhid selepas ratib. Mereka pun mengamalkannya dan tidak lama kemudian dikurniakan rahmat dengan Qudrat dan Iradat Allah S.W.T.

راتب العطاس

راتب سيدنا العلم النبراس القطب الرباني طيب الأنفاس الحبيب عمر

ابن عبد الرحمن العطاس المقبور بحريضة الفيحاء حضرموت

الفاتحة

إِلَى حَضْرَةِ الْحَبِيْبِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالاَهُ ، وَإِلَى رُوْحِ سَيِّدِنَا الْحَبِيْبِ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ الْعَطَّاسِ صَاحِبِ الرَّاتِبِ وَالشَّيْخِ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللهِ بَارَاسِ وَأُصُوْلِهِمْ وَفُرُوْعِهِمْ أَنَّ اللهَ يَتَغَشَّاهُمْ بِالرَّحْمَةِ وَالْمَغْفِرَةِ..اَلْفَاتِحَةُ

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿١﴾

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَٰلِكِ يَوۡمِ ٱلدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعۡبُدُ وَإِيَّاكَ نَسۡتَعِينُ ﴿٥﴾ ٱهۡدِنَا ٱلصِّرَٰطَ ٱلۡمُسۡتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾ ..آمِيْن..

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah kepada Hadratul Habib, penghulu kita Nabi Muhammad ﷺ dan juga kepada keluarga Baginda dan para sahabat dan kepada pengikut-pengikut Baginda, Al-Fatihah dibacakan kepada Roh penghulu kita al-Habib Umar bin Abdul Rahman empunya Ratib, dan Syeikh 'Ali bin Abdullah al-Baraas dan kepada asal-usulnya dan keturunan mereka itu. Moga-moga Allah meliputikan mereka itu dengan RahmatNya dan KeampunanNya. Al-Fatihah.

Aku berlindung dengan Allah daripada Syaitan yang direjam

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam, Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Yang menguasai hari pembalasan. Akan Dikau kami menyembah dan akan Dikau kami mohon pertolongan. Tunjukilah kami jalan yang lurus, (yaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan ni'mat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat. Amiin

١) أَعُوْذُ بِاللهِ السَّمِيْعِ الْعَلِيْمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ (×٣)

٢) لَوۡ أَنزَلۡنَا هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ عَلَىٰ جَبَلٖ لَّرَأَيۡتَهُۥ خَٰشِعٗا مُّتَصَدِّعٗا مِّنۡ خَشۡيَةِ ٱللَّهِۚ وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمۡ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِۖ هُوَ ٱلرَّحۡمَٰنُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلۡمُؤۡمِنُ ٱلۡمُهَيۡمِنُ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡجَبَّارُ ٱلۡمُتَكَبِّرُۚ سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ ٱللَّهُ ٱلۡخَٰلِقُ ٱلۡبَارِئُ ٱلۡمُصَوِّرُۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

٣) أَعُوْذُ بِاللهِ السَّمِيْعِ الْعَلِيْمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ (×٣)

1) Aku berlindung dengan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang direjam.

(3 kali)

2) Kalau Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan ketakutannya kepada Allah. dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir.

Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, Dia-lah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Dialah Allah yang tiada Tuhan selain Dia, Raja, yang Maha Suci, yang Maha Sejahtera, yang Mengaruniakan Keamanan, yang Maha Memelihara, yang Maha perkasa, yang Maha Kuasa, yang memiliki segala Keagungan, Maha suci Allah dari apa yang mereka persekutukan.

Dialah Allah yang Menciptakan, yang Mengadakan, yang membentuk Rupa, yang mempunyai Asmaaul Husna. bertasbih kepadanya apa yang di langit dan bumi. dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

3) Aku berlindung dengan Allah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang direjam.

(3 kali)

٤) أَعُوْذُ بِكَلِمَاتِ اللهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ...(×٣)

٥) بِسْـــمِ اللهِ الَّذِيْ لاَ يَضُرُّ مَعَ اسْمِـــــهِ شَـيْءٌ فِـي الْأَرْضِ وَلاَ فِي السَّـــمَآءِ وَهُوَ السَّـــمِيْعُ الْعَلِـــيْمُ ....(×٣)

٦) بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِــاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ ....(×١٠)

٧) بِسْـــمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ....(×٣)

٨) بِسْمِ اللهِ تَحَصَّنَّا بِاللهِ بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْنَا بِاللهِ ....(×٣)

٩) بِسْمِ اللهِ آمَنَّا بِاللهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللهِ لاَ خَــوْفٌ عَلَيْــهِ ....(×٣)

١٠) سُبْحَانَ اللهِ عَزَّ اللهُ سُبْحَانَ اللهِ جَلَّ اللهُ ....(×٣)

١١) سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللهِ الْعَظِيْمِ ...(×٣)

4) Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari kejahatan barang yang telah dijadikan olehNya. (3 kali)

5) Dengan nama Allah yang dengan namaNya tiada suatu pun, baik di bumi maupun di langit dapat memberi bencana, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3 kali)

6) Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, dan Tiada daya aku mengerjakan ibadat dan tiada upaya aku meninggalkan maksiat melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. (10 kali)

7) Dengan nama Allah yang yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. (3 kali)

8) Dengan nama Allah berkota kami dengan Allah, dengan nama Allah bertawakkal kami dengan Allah. (3 kali)

9) Dengan nama Allah, beriman kami dengan Allah, barangsiapa yang beriman dengan Allah tiada jenis takut di atasnya. (3 kali)

10) Maha suci Allah kemuliaan Allah, maha suci Allah kebesaran Allah. (3 kali)

11) Maha Suci Allah dan dengan kepujianNya, Maha suci Allah yang Maha Agung. (3 kali)

١٢) سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلهِ وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَـــرُ ....(٤×)

١٣) يَا لَطِيْفًا بِخَلْقِهِ يَا عَلِيْمًا بِخَلْقِهِ يَا خَبِـــيْرًا بِخَلْقِـــهِ أُلْطُفْ بِنَا يَا لَطِيْفُ يَا عَلِيْمُ يَا خَبِـــيْرُ ....(٣×)

١٤) يَا لَطِـــيْفًا لَمْ يَزَلْ أُلْطُفْ بِنَا فِيْمَـــا نَزَلَ إِنَّكَ لَطِيْفٌ لَـــمْ تَزَلْ أُلْطُـــفْ بِنَا وَالْمُسْـــلِمِيْنَ.(٣×)

١٥) لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ ....(٥٠×)

١٦) لاَ إِلَـــهَ إِلاَّ اللهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ ....(١×)

١٧) حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ ....(٧×)

١٨) اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ وَسَلِّمْ ....(١٠×)

١٩) اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ يَا رَبِّ صَـــلِّ عَلَيْـــهِ وَسَلِّمْ ....(١×)

12) Maha suci Allah dan segala kepujian itu bagi Allah, dan tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah itu Maha Besar.
(4 kali)

13) Wahai yang Maha Lemah Lembut dengan segala kejadianNya, wahai yang Maha Mengetahui dengan segala kejadianNya, wahai yang Maha Menghalusi dengan segala kejadianNya, Perlembutkanlah segala takdirMu dengan kami, wahai Tuhan Yang Amat Mengetahui, wahai Tuhan Yang Amat Menghalusi. (3 kali)

14) Wahai Yang Maha Lembut tiada hilang selamanya, perlembutkanlah dengan kami pada barang yang Engkau takdirkan. Bahawa sesungguhnya Engkau Maha Lembut tiada kurang selamanya, maka perlembutkanlah segala yang ditakdirkan dengan kami dan orang Muslimin.(3 kali)

15) Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.
(50 kali)

16) Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. (1 kali)

17) Memadalah akan kami oleh Allah, dan Dialah sebaik-baik yang diwakilkan penjagaan. (7 kali)

18) Ya Allah, cucurkanlah selawat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad, Ya Allah, cucurkanlah selawat ke atas Baginda Rasul dan salamMu. (10 kali)

19) Ya Allah, cucurkanlah selawat ke atas penghulu kami Nabi Muhammad , Wahai Tuhanku, cucurkanlah selawat ke atas Baginda Rasul dan salamMu. (1 kali)

٢٠) أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ ....(١١×)

٢١) تَائِبُوْنَ إِلَى اللّٰهِ ....(٣×)

٢٢) يَا اللّٰهُ بِهَا يَااللّٰهُ بِهَا يَا اَللّٰهُ بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ ....(٣×)

غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا ٱكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَآ إِن نَّسِينَآ أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَآ إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُۥ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِۦ ۖ وَٱعْفُ عَنَّا وَٱغْفِرْ لَنَا وَٱرْحَمْنَآ ۚ أَنتَ مَوْلَىٰنَا فَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

20) Aku memohon keampunan Allah. (11 kali)

21) Sebagai mereka yang bertaubat kepada Allah. (3 kali)

22) Ya Allah memohon kami dengannya, memohon kami dengannya, kami pohonkan dengan baik kesudahan.
(3 kali)

(Mereka berdoa): "Ampunilah kami Ya Tuhan kami dan kepada Engkaulah tempat kembali."

Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (mereka berdoa): "Ya Tuhan Kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. beri ma'aflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah penolong Kami, Maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir."

الفاتحة

إِلَى رُوْحِ سَيِّدِناَ وَحَبِيْبِناَ وَشَفِيْعِناَ رَسُوْلِ اللهِ مُحَمَّدِ بْـــنِ عَبْدِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَأَزْوَاجِــهِ وَذُرِّيَّتِهِ أَنَّ اللهَ يُعْلِيْ دَرَجَاتِهِمْ فِــي الْجَنَّـــــةِ وَيَنْفَعُنـــاَ بِأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَعُلُوْمِهِمْ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْياَ وَيَجْعَلُناَ مِن حِزْبِهِمْ وَيرْزُقُـــناَ مَحَبَّتَهُمْ وَيَتَوَّفَاناَ عَلـــىَ مِلَّـــتِهِمْ وَيَحْشُرُناَ فِي زُمْرَتِهِمْ ..الفاتحة..

الفاتحة

إِلَى رُوْحِ سَيِّدِناَ الْفَقِيْهِ الْمَقَدَّمِ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ بَاعَلَوِىْ وَأُصُوْلِهِ وَفُرُوْعِهِ وَذَوِى الْحُقُوْقِ عَلَيْهِمْ أَجْمَعِيْنَ أَنَّ اللهَ يَغْفِرُ لَهُمْ وَيَرْحَمُهُمْ ويُعْلِيْ دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّـــةِ وَيَنْفَعُناَ بِأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَعُلُوْمِهِمْ وَنَفَحَاتِهِمْ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْياَ وَالْآخِرَةِ ..الفاتحة..

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah kepada penghulu kita, kekasih kita, pensyafaat kita, Rasul kita, Nabi Muhammad bin Abdullah ﷺ dan juga kepada keluarga Baginda dan para sahabat dan juga kepada isteri-isteri dan zuriat Baginda. Moga-moga Allah mengangkatkan darjat-darjat mereka itu di dalam SyurgaNya, dan memberikan kemanfaatan kepada kami dengan rahsia-rahsia mereka, cahaya-cahaya mereka, ilmu-ilmu mereka pada Agama dan dunia, dan jadikanlah kami bersama-sama mereka, dan rezekikan kami kasih sayang mereka, dan matikanlah kami di atas jalan mereka dan kumpulkanlah kami bersama-sama perhimpunan mereka. Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah kepada penghulu kita, al-Faqeeh Muqadddam, al-Habib Muhammad bin Ali Ba'alawi dan kepada asal-usul keturunannya dan sekalian mereka yang mempunyai hak ke atas beliau. Moga-moga Allah mengampuni Ia bagi mereka dan merahmati Ia akan mereka serta mengangkatkan darjat-darjat mereka itu di dalam SyurgaNya, dan memberikan kemanfaatan kepada kami dengan rahsia-rahsia mereka, cahaya-cahaya mereka, ilmu-ilmu mereka dan hembusan ma'rifah mereka pada Agama dan dunia dan akhirat. Al-Fatihah.

الفاتحة

إِلَى رُوْحِ سَيِّدِناَ وَحَبِيْبِناَ وَعُمْدَتِناَ صَاحِبِ الرَّاتِبِ قُطْبِ الْأَنْفَاسِ الْحَبِيبِ عُمَرَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ الْعَطَّاسِ وَالشَّيْخِ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللهِ الْبَارَاسِ وَأُصُوْلِهِمْ وَفُــرُوْعِهِمْ وَذَوِى الْحُقُوْق عَلَيْهِمْ أَجْمَعِيْنَ أَنَّ اللهَ يَغْفِرُ لَهُــمْ وَيَــرْحَمُهُمْ ويُعْلِيْ دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّــةِ وَيَنْفَعُناَ بِأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَعُلُوْمِهِمْ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْياَ وَالْآخِرَةِ ..الفاتحة..

الفاتحة

إِلَى أَرْوَاحِ الْأَوْلِيَــآءِ وَالصَّالِحِيْنَ وَالْأَئِمَّــةِ الرَّاشِدِيْنَ ، ثُمَّ إِلَى أَرْوَاحِ وَالِدِيْناَ وَمَشَايِخِــناَ وَمُعَلِّمِــيْناَ وَذَوِى الْحُقُوْق عَلَيْناَ أَجْمَعِيْنَ ، ثُمَّ إِلَى أَرْوَاحِ أَمْــوَاتِ هٰــذِهِ الْبَلْدَةِ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ أَنَّ اللهَ يَغْفِرُ لَهُمْ وَيَرْحَمُهُمْ ويُعْلِيْ دَرَجَاتِهِمْ فِي الْجَنَّــةِ وَيَنْفَعُناَ بِأَسْرَارِهِمْ وَأَنْوَارِهِمْ وَعُلُوْمِهِمْ فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْياَ وَالْآخِرَةِ ...الفاتحة...

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah kepada penghulu kita, kekasih kita dan tempat pegangan kita, empunya Ratib, Quthub Anfaas al-Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas dan Syeikh 'Ali bin Abdullah al-Baraas dan kepada asal-usul mereka itu dan sekalian mereka yang mempunyai hak ke atas mereka itu. Moga-moga Allah mengampuni Ia bagi mereka dan merahmati Ia akan mereka serta mengangkatkan darjat-darjat mereka itu di dalam SyurgaNya, dan memberikan kemanfaatan kepada kami dengan rahsia-rahsia mereka, cahaya-cahaya mereka dan ilmu-ilmu mereka pada Agama dan dunia dan akhirat. Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah kepada segala Roh-roh para Aulia', orang-orang soleh dan Ikutan-ikutan yang diberi petunjuk. Kemudian kepada Ayah bonda kami, guru-guru dan pengajar kami dan sekalian mereka yang mempunyai hak ke atas kami. Kemudiannya kepada segala Roh Muslimin Muslimat, Mukminin Mukminat di dalam daerah ini. Moga-moga Allah mengampuni Ia bagi mereka dan merahmati Ia akan mereka serta mengangkatkan darjat-darjat mereka itu di dalam SyurgaNya, dan memberikan kemanfaatan kepada kami dengan rahsia-rahsia mereka, cahaya-cahaya mereka dan ilmu-ilmu mereka pada Agama dan dunia dan akhirat. Al-Fatihah.

الفاتحة

اَلْفَاتِحَـــةُ بِنِيَّةِ الْقَبُوْلِ وَتَمَامِ كُلِّ سُوءْلٍ وَمَأْمُوْلٍ وَصَلاَحِ الشَّانِ ظَاهِرًا وَبَاطِنًا فِي الدِّيْنِ وَالدُّنْياَ وَاْلآخِرَةِ دَافِعَـــةً لِكُلِّ شَرٍّ جَالِبَةً لِكُلِّ خَيْرٍ لَنـــاَ وَلِوَالِـــدِيْناَ وَلأَحْبَابِنـــاَ وَلِمَشَايِخِنَا وَلِقَرْيَتِنا وَلِجَمَاعَتِنَا فِي الدِّيْنِ مَـــعَ اللُّطْـــفِ وَالْعَافِيَةِ وَعَلَى نِيَّةٍ ، أَنَّ اللهَ يُنَوِّرُ قُلُوْبَناَ وَقَوَالِبَنـــاَ مَـــعَ الْهُدَىٰ وَالتُّقَىٰ وَالْعَفَافِ وَالْمَوْتِ عَلَى دِيْـــنِ اْلإِسْـــلاَمِ وَاْلإِيْمَانِ عَلَى اهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَـــةِ بِـــلاَ مِحْنَـــةٍ وَلاَ امْتِحَانٍ بِجَاهِ سَيِّدِ وَلَدِ عَدْنَانَ جَامِعَةً لِكُلِّ نِيَّةٍ صَالِحَةٍ ، وَزِيَادَةً وَمَحَبَّةً فِيْ شَرَفِ الْحَبِيْبِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ..الفاتحة..

(Al-Fatihah)

Bacalah Al-Fatihah yang dengan rahsianya dikabulkan segala niat kita dan disempurnakan setiap yang diminta dan yang dicita-cita, dan membaikkan pekerjaan kita yang zahir maupun yang batin, pada Agama, dunia dan akhirat. Dengan keberkatan Al-Fatihah menolakkan bagi segala jenis kejahatan dengan mendapatkan segala kebaikan bagi kami, Ayah bonda kami, kekasih kami dan guru-guru kami, dan Qariah kami, dan jemaah kami pada Agama beserta kelembutanMu dan kesejahteraan daripadaMu, dan di atas niat demikian, moga-moga Allah menyinari hati sanubari kami dengan cahaya petunjuk, ketakwaan dan kejernihan, dan bahawa dimatikan kami di atas Agama Islam dan iman di atas jalan Ahli Sunnah wal Al-Jamaah dengan ketiadaan dugaan dan cubaan, dengan berkat kebesaran penghulu cucu cicit Adnan bahawa dihimpunkan bagi tiap-tiap niat yang baik dan menambahkan dan mengasih-sayangkan pada kemuliaan al-Habib Nabi Muhammad ﷺ , moga-moga Allah mencucuri rahmatNya ke atas Baginda dan juga ke atas keluarga dan sahabat Baginda sekaliannya. Al-Fatihah.

﴿ الدعاء ﴾

اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ حَمْدًا يُوَافِيْ نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِيْ لِجَلاَلِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيْمِ سُلْطَانِكَ ، سُبْحَانَكَ لاَ نُحْصِيْ ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ ، فَلَكَ الْحَمْدُ حَتّٰى تَرْضَى وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضِيْتَ وَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرِّضَا ،

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِـــي الْأَوَّلِــيْنَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْآخِرِيْنَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِيْ كُلِّ وَقْتٍ وَحِيْنٍ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي النَّبِيِّيْنَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْمُرْسَلِيْنَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْمَلَإِ الْأَعْلَى إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّـــدٍ حَتّٰى تَرِثَ الْأَرْضَ وَمَنْ عَلَيْهَا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَارِثِيْنَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ ،

(Doa Ratib)

Segala pujian tertentu bagi Allah, Tuhan sekalian alam akan sebagai pujian yang mencukupi akan ni'matNya dan yang memadakan akan penambahan-Nya, wahai Tuhan kami, bagiMu-lah kepujian yang layak bagi kebesaran zatMu dan keagungan pemerintahanMu. Maha suci Engkau yang tiada terhingga kepujian ke atasMu seperti barang yang memuji Engkau atas diriMu sendiri. Maka bagiMu itu kepujian sehingga bahawa redho Engkau, dan bagiMu kepujian apabila redha Engkau, dan bagiMu kepujian kemudian daripada keredhaan.

Ya Allah, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada sekalian orang-orang yang awal, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada sekalian orang-orang yang akhir, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada tiap-tiap waktu dan keadaan, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada sekalian nabi, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada sekalian rasul, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad pada sekalian malaikatMu yang tinggi, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad sehingga mewariskanlah olehMu akan bumi dan mereka di atasnya, dan Engkau itu sebaik-baik yang mewariskan, Cucurkanlah Selawat dan Salam ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad dan juga ke atas ahli keluarga Baginda dan sahabat sekaliannya.

اَللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَحْفِظُكَ وَنَسْتَوْدِعُكَ أَدْيَانَنـــَا وَأَبْـــدَانَنَا وَأَنْفُسَنَا وَأَمْوَالَنَا وَأَهْلَنا وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتـــَنَا ، اَللَّهُـــمَّ اجْعَلْ وَإِيَّاهُمْ فِيْ كَنَفِكَ وَأَمَانِكَ وَعِيَاذِكَ وَجِوَارِكَ مِـــنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيْدٍ وَجَبَّارٍ عَنِيْدٍ وَذِيْ عَيْنٍ وَذِيْ بَغْيٍ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ ذِيْ شَرٍّ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ ، اَللَّهُمَّ أَحِطْنَا بِالتَّقْوَى وَالْإِسْتِقَامَةِ وَأَعِذْنَا مِنْ مُوْجِبَاتِ النَّدَامَـــةِ فِـــي الْحَالِ وَالْمَآلِ إِنَّكَ سَمِيْعُ الدُّعَاءِ ،

وَصَلِّ اللَّهُمَّ بِجَمَالِكَ وَجَلَالِكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّـــدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ ، وَارْزُقْنَا كَمَالَ الْمُتَابَعَةِ لَهُ ظَاهِرًا وَبَاطِناً ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ (×٣)

بِفَضْـــلِ سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّـــــا يَصِـــفُوْنَ وَسَـــلَامٌ عَلَـــى الْمُرْسَـــــلِيْنَ وَالْحَـــــمْدُ لِلَّـــهِ رَبِّ الْعَالَمِـــيْنَ.

Ya Allah, ya Tuhanku, sesungguhnya kami memohon penjagaanMu dan pertolonganMu akan agama kami, dan badan kami, dan diri kami, dan harta kami, dan ahli keluarga kami, dan tiap-tiap sesuatu yang telah Engkau anugerahkan kepada kami. Ya Allah, jadikanlah kami dan akan sekalian mereka itu di dalam pengawasanMu, di dalam keamananMu, di dalam perlindunganMu, di dalam daerahMu daripada setiap syaitan yang derhaka, dan penindas yang degil, dan yang empunya mata kedengkian, dan mata kebencian, dan tiap-tiap kejahatan daripada yang empunya kejahatan, bahawasanya Engkau di atas segala sesuatu itu amat Kuasa. Ya Allah, liputikanlah diri kami daripada perkara yang mendatangkan penyesalan pada diri dan harta, bahawa sesungguhnya Engkau itu itu yang Mendengarkan doa.

Dan cucurkanlah selawat ya Allah dengan kecantikanMU dan kebesaranMu ke atas penghulu kami, Nabi Muhammad, dan juga ke atas keluarga Junjungan serta sahabat Baginda sekaliannya. Dan rezekikan kami kiranya ya Allah, akan kesempurnaan mengikut bagi Junjungan besar pada zahir maupun batin, wahai Tuhan yang Maha Mengasihani dari segala yang mengasihani.(3 kali).

